



Wujud suasana

bahasa Arab di universiti

Kepentingan bahasa Arab hari ini bukan hanya tertumpu dalam kalangan pelajar jurusan agama semata-mata, hakikatnya bahasa itu wajar dipelajari oleh semua orang Islam kerana ia sebahagian daripada agama kita.

Di universiti, usaha mewujudkan suasana bahasa Arab dalam perbualan mahupun rutin seharian pelajar bukanlah perkara mudah kerana mengambil masa lama untuk kekal dipraktikkan pelajar dan mungkin sekadar 'hangat hangat tahi ayam' sahaja.

Hal ini disebabkan beberapa faktor, antaranya pelajar tidak minat dengan bahasa Arab. Mereka belajar bahasa Arab sekadar untuk lulus dalam peperiksaan tanpa memikirkan manfaat yang bakal diperoleh pada masa akan datang.

Oleh itu, pengetahuan mereka terhadap bahasa Arab hanya dihadkan oleh peperiksaan semata-mata, malah mereka lebih suka belajar bersendirian tanpa memikirkan manfaat jika belajar secara berkumpu-

lan yang membolehkan mewujudkan komunikasi bahasa Arab.

Hakikatnya, pelajar perlu berfikiran terbuka untuk meningkatkan prestasi diri sendiri serta orang lain dan secara tidak langsung dapat membina persekitaran perbualan bahasa Arab di universiti.

Penubuhan kelab

Di Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Kelab Nadi Tha'qofah ditubuhkan berperanan menggerakkan program bahasa Arab supaya dapat mewujudkan suasana bahasa Arab dalam kalangan pelajar USIM khususnya pelajar fakulti itu sendiri.

Dengan penubuhan kelab ini, program bahasa Arab secara tidak langsung dapat membina suasana bahasa Arab dalam kalangan pelajarnya menerusi penyertaan mereka dalam program itu.

Kelab Nadi Tha'qofah tampil menganjurkan Program Manarah Al-lughoh Al-arabiyyah. 'Manarah' bermaksud rumah



“**PELAJAR PERLU BERFIKIRAN TERBUKA UNTUK MENINGKATKAN PRESTASI DIRI SENDIRI SERTA ORANG LAIN DAN SECARA TIDAK LANGSUNG DAPAT MEMBINA PERSEKITARAN PERBUALAN BAHASA ARAB DI UNIVERSITI**”

api dan ia menjadi simbolik kepada ahli pelayaran yang berada di tengah lautan dalam mencari petunjuk sepanjang perjalanan mereka.

Program itu mengandungi lima aktiviti utama termasuk latihan sendiri wajib, kelas praktikal dan teori, penguapan awam di khalayak ramai, makluman perkataan baharu bahasa Arab melalui Facebook dan hari wajib berbahasa Arab.

Usaha ini secara tidak langsung membantu pelajar dalam mempercepatkan pembinaan

suasana bahasa Arab dalam kalangan pelajar kerana lebih menumpukan kepada pengajian luar kelas di samping pengajian yang disediakan fakulti.

Ingatlah, mereka yang belajar di Asia Barat, mereka dapat menguasai bahasa Arab kerana faktor persekitaran di sana, namun kita di Malaysia mempunyai satu kekuatan untuk menguasai bahasa Arab iaitu melalui penganjuran program bahasa yang dapat mewujudkan suasana bahasa Arab dalam kalangan pelajar.